

LATAR BELAKANG POLITIK KELANTAN DAN PENTUBUHAN UMNO*

oleh:

MOHD. ALI BIN MOHAMMAD

NEGERI KELANTAN terletak di sebelah Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Ianya mempunyai kawasan seluas 5,713 batu persegi dengan Kota Bharu sebagai ibu negerinya. Negeri Kelantan dibahagikan kepada delapan buah jajahan iaitu Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Pasir Putih, Bacok, Tanah Merah, Macang dan Ulu Kelantan. Tiap-tiap jajahan pula dibahagikan kepada mukim dan di dalam sebuah mukim terdapat pula unit-unit yang lebih kecil yang dikenali sebagai kampung.

Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri Melayu yang lambat menerima permodenan berbanding dengan negeri-negeri Melayu lain di Malaysia. Kedudukan ekonomi Negeri Kelantan dari segi pendapatan perkapita adalah rendah. Masyarakatnya merupakan masyarakat yang berpegang kuat kepada agama Islam. Kelantan juga kaya dengan kebudayaan tempatan dan masyarakat yang berkebudayaan. Faktor-faktor tersebut dapat mempengaruhi pemikiran politik masyarakat Kelantan terutamanya di tahun-tahun 1940an dan 1950an, malah berterusan hingga ke hari ini.

Pertubuhan-pertubuhan Awal dan Timbulnya Kesedaran Berpolitik di-Kelantan.

Sebelum dekad pertama kurun kedua puluh, di Negeri Kelantan masih belum ada sebarang organisasi atau pertubuhan-pertubuhan politik. Kegiatan masyarakat Kelantan di dalam organisasi yang bercorak sosio-ekonomi-politik hanya bermula diakhir tahun-tahun 1920an. Sebelum daripada tarikh itu, rakyat Kelantan khasnya orang-orang Melayu masih belum mempunyai sebarang pertubuhan politik yang bertujuan memperjuangkan kepentingan mereka sendiri¹. Keinginan untuk berorganisasi belum lagi timbul lantaran orang-orang Melayu Kelantan terhindar daripada desakan-desakan yang membolehkan mereka berorganisasi. Mereka tidak mendapat saingan yang hebat daripada kaum-kaum pendatang seperti mana yang berlaku kepada negeri-negeri lain di Tanah Melayu.

Orang-orang Melayu Kelantan, kalau ada pun yang memasuki mana-mana kelab pada masa itu bukanlah bertujuan untuk memperjuangkan kepentingan bangsa mereka. Mereka memasuki kelab-kelab itu adalah bertujuan untuk mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan kelab-kelab tersebut. Misalnya pada tahun 1911, *Kelantan Kelab* telah ditubuhkan yang dianggotai oleh pegawai-

* Makalah ini telah dipetik dari Latihan Ilmiah penulis yang berjudul "Sejarah Perkembangan dan Perjuangan UMNO Kelantan 1955-1959", yang telah dikemukakan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, sessi 1976/77. - Pengarang.

¹Ab. Hamid bin Othman, "Intelijensia Melayu Didalam Beberapa Kegiatan Sosial di Kota Bharu Tahun-tahun 1920an Hingga 1945", (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972) h. 55.

pegawai British. Pada tahun 1917 pelajar-pelajar Madrasah Muhammadiyah² telah menubuhkan *Kota Bharu Kelab*. Tujuannya adalah untuk menyertai aktiviti-aktiviti sosial dan kesokongan semata-mata. Dengan inisiatif cendikiawan-cendikiawan di Kota Bharu, sebuah kelab bernama *Setia Kelab* telah ditubuhkan pula pada 14hb. Disember, 1922³. Mengikut seorang jurucakap *Setia Kelab*, penubuhan kelab itu bertujuan untuk "menghimpun belia-belia pada masa itu menggalak dan mengasuh mereka dengan kegiatan-kegiatan yang membawa kebaikan kepada mereka seperti mengajar bersyarah dan berpidato, tarian-tarian, sendiwara, zapin, derama, kursus kewartawanan dan sastera".⁴ Manakala pada tahun 1927 pula telah lahir sebuah lagi kelab iaitu *Indera Teruna Kelab* di bawah pimpinan Tengku Indera Betra dan diikuti pula oleh *Atas Banggul Kelab*.

Pada tahun 1929, di Kota Bharu telah ujud satu lagi kelab sosial tetapi lebih radikal jika dibandingkan dengan kelab-kelab sosial sebelumnya. Kewujudan *Kelab Putera*⁵ ini adalah justru kerana beberapa orang cerdik pandai Melayu Kelantan khasnya di Kota Bharu kurang bersetuju dengan sikap dan peranan yang dimainkan oleh kelab-kelab sebelumnya. Orang-orang seperti Kadir Adabi⁶ dan Saad Shukri⁷ merasakan bahawa kelab-kelab sebelumnya adalah lebih mementingkan soal-soal sosial sahaja. Kedua-dua mereka itu terkenal sebagai pengkeritik sosial yang terkenal dengan sindiran-sindiran yang tajam terhadap gulungan *establishment*.⁸ Melalui majalah kelab tersebut iaitu *Putera*⁹, pemim-

² Madrasah Muhammadiyah ditubuhkan pada 5hb. Ogos, 1917. Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di Madrasah ini. Di samping itu juga pelajaran agama banyak diajar termasuk bahasa Arab. Di antara pelajaran yang diajar termasuklah kira-kira, ilmu akhlak, kesihatan, sejarah ucapan, pidato dan kewartawanan. Madrasah ini telah dapat melahirkan para pentadbir, ahli-abli cerdik pandai, penulis-penulis akhbar di Kelantan pada masa itu. Di antara pentadbir-pentadbir terkenal lepasan sekolah ini seperti Srimah Rara, Datuk Sri Nara dan Nik Husin. Manakala pengarang-pengarang lepasan sekolah ini seperti Hj. Amad Ismail telah menerbitkan majalah *Al-Hidayah* dan majalah mingguan *Al-Hikmah*. Jumlah murid sekolah ini pada tahun 1918 ialah seramai 400 orang. Untuk keterangan lanjut lihat H.W. Thomson, *Kelantan Administration Report for the Year 1918*. FMS Government Printing House, 1918, h. 9. Juga lihat Ab. Hamid bin Othman, *op-cit.*, h. 10-11.

³ Saad Shukri bin Haji Muda, *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Penerbitan PAP, Kelantan, 1917, h. 153.

⁴ Ab. Hamid bin Othman, *op-cit.*, h. 56.

⁵ Kelab Putera diketuai oleh Haji Osman bin Sulung sebagai Yang Dipertuan dan Kadir Adabi sebagai Setiausaha.

⁶ Kadir Adabi dilahirkan di Kota Bharu tahun 1904, anak kepada En. Ahmad Penghulu dan Cik Siru bte. Abu Bakar. Semasa kecil mendapat didikan di Madrasah Muhammadiyah. Daripada Dato Laksamana beliau mendapat asuhan dan didikan dalam lapangan penulisan. Untuk keterangan lanjut lihat Ab. Rahman Al-Ahmadi, "Requiem Ab. Kadir Adabi", dalam *Mingguan Kota Bharu*, 22hb. November, 1969, h. 7, juga lihat Ab. Hamid Othman, *op.cit.*, h. 61-62.

⁷ Saad Shukri dilahirkan pada 25hb. Februari, 1905 di Kampung Masjid Kota Bharu dan mendapat didikan awal di Padang Merdeka, Kelantan. Kemudian ke Madrasah Muhammadiyah. Kemudian beliau bekerja sebagai kerani di Pejabat Bandaran Kota Bharu. Untuk keterangan lanjut lihat Abu Bakar Hamid, "Mengenang Allahyarham Saad Shukri", dalam *Dewan Sastera*, Mac, 1971, h. 54. Juga lihat Ab Rahman Al-Ahmadi, "Ahmad Shukri", *Majallah Kelantan*, April, 1971, h. 11.

⁸ Ab. Hamid bin Othman, *op.cit.*, h. 61.

⁹ Majalah *Putera* merupakan akhbar setengah bulanan. Pengarangnya Ab. Kadir Adabi dan penolong pengarangnya merangkap pengrusinya ialah Saad Shukri. Pada mula naskah diterbitkan sebanyak lima puluh naskah sahaja tetapi kemudiannya meningkat kepada 500 naskah dan telah diedarkan keseluruh Tanah Melayu, Indonesia, Petani. Majalah ini pertama kali diterbitkan pada 1hb. Oktober, 1929. Untuk keterangan lanjut lihat Ab. Hamid bin Othman, *ibid*, h. 40. Juga lihat Ab. Rahman Al-Ahmadi, "Notes Towards a History of Malay Periodicals in Kelantan", dalam W.R. Roff (ed.), *Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1974, h. 181.

pin-pemimpin *Kelab Putera* telah menyalurkan teguran-teguran, kritik-kritik, sindiran-sindiran terhadap gulungan *establishment*. Disamping itu juga pemimpin-pemimpinnya telah mendesak pemerintah supaya jangan menjalankan dasar diskriminasi dalam memberi pelajaran kepada orang-orang Melayu dan menyatakan keazaman mereka agar sebuah sekolah Inggeris ditubuhkan di Kelantan.¹⁰

Kegiatan-kegiatan *Kelab Putera* itu dianggap merbahaya kepada pemerintah British. Kelab tersebut telah dituduh membuat hubungan sulit dengan Partai Komunis Indonesia (PKI).¹¹ Justru kerana itu ketuanya Saad Shukri dan Setiausaha Seksi Wanita Safiah (Khuzaimah) bte. Yusuf telah ditahan. Majalah *Putera* telah diharamkan. Pengharaman majalah *Putera* dan penangkapan pemimpin-pemimpin mereka telah menyebabkan lumpuhnya *Kelab Putera*. *Setia Kelab* (yang semasa *Kelab Putera* berpengaruh, ianya lumpuh) telah muncul semula dan menjelang Perang Dunia Kedua ianya telah muncul sebagai sebuah persatuan di Kota Bharu yang boleh diharap membuat banyak jasa kepada bangsa, bahasa dan mendirikan serta memperbaiki hal ehwal orang-orang Melayu.¹²

Kesedaran politik orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu akibat dari tekanan-tekanan dari pemerintah disertai juga dengan saingan yang hebat dari kaum pendatang telah menyedarkan mereka untuk membentuk organisasi-organisasi Melayu bagi mencapai matalamat politik mereka disamping membentulkan kepincangan-kepincangan sosial dan ekonomi orang-orang Melayu dalam tahun-tahun 1930an. Justru kerana itu di negeri-negeri Melayu di akhir-akhir tahun 1930an telah muncul Persatuan-Persatuan Melayu seperti Persatuan Melayu Perak (1937), Persatuan Melayu Pahang (Mac, 1938) dan Persatuan Melayu Selangor (Jun, 1938). Di negeri Kelantan juga kesedaran tentang tekanan-tekanan daripada pihak-pihak tertentu juga dirasai. Maka tidak menghairankan kalau di Kelantan pun telah ujud Persatuan Melayu Kelantan (PMK) pada 20hb. April, 1939¹³. PMK merupakan satu persatuan elite di Kelantan yang menghadkan keanggotaannya kepada gulungan kelas atasan, mereka yang berpendidikan Inggeris dan pegawai-pegawai aristokrat Melayu di negeri itu¹⁴. Yang Dipertuanya ialah Nik Muhammad Saleh bin Omar, Naib Yang Dipertuanya ialah Nik Yahya bin Nik Daud, sementara Setiausaha ialah Haji Othman bin Tahir dan Bendaharinya ialah Ahmad Ismail.¹⁵ Manakala lain-lain anggotanya yang rata-rata terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan ialah Allahyarham Dato Haji Abdullah bin Mahmud, Allahyarham Dato Nik Hasan Haji Wan Ahmad, Dato Sri Setia Raja (Tan Sri Nik Ahmad Kamil) dan Allahyarham Dato Ismail Mahmud.¹⁶ Tujuannya ialah "untuk menyatukan anak-anak Melayu dan menjalankan ikhtiar bagi memajukan dan meninggikan mutu pendiriannya".¹⁷ Kelahiran PMK dapatlah

¹⁰ Ab. Hamid bin Othman, *ibid.*, h. 64. Sekolah Inggeris di Kelantan yang pertama ialah English School (sekarang Maktab Sultan Ismail) didirikan pada tahun 1936.

¹¹ Abu Bakar Hamid, *op.cit.*, h. 54.

¹² *Warta Malaya*, 3hb. November 1938, h. 7.

¹³ Lihat Saad Shukri, *op.cit.*, h. 153. Juga lihat *Al-Hikmah*, 27hb. April, 1939, h. 10 untuk mengetahui tentang penubuhannya. Selanjutnya penulis akan menggunakan nama PMK sahaja.

¹⁴ Clive S. Kessler, "Muslim Identity and Political Behaviour in Kelantan", W.R. Ross (ed.), *op.cit.*, h. 66.

¹⁵ Ab. Hamid bin Othman,

¹⁶ Temutanya dengan Encik Hamzah Ghani pada 22hb. April, 1976.

¹⁷ *Al-Hikmah*, 27hb. April, 1939, h. 10.

dikatakan sebagai puncak dari kesedaran yang dahulunya merupakan tekanan-tekanan perasaan tidak puashati rakyat hasil dari suara-suara individu yang masih belum bergabung dalam bentuk berpersatu sebagaimana PMK itu.

Satu lagi persatuan yang terkenal di Negeri Kelantan pada masa itu ialah Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan (PPMK)¹⁸ yang ditubuhkan pada 31hb. Oktober, 1940 atas inisiatif Nik Mahmud bin Abdul Majid.¹⁹ Ura-ura penubuhannya telah timbul sejak tahun 1935 lagi tetapi tidak diluluskan kerana berbau politik²⁰. Tujuannya ialah "hendak kuat berusaha berkhidmat kepada agama Islam, kepada raja, negara dan bangsa Melayu iaitu mengangkat dan membaiki mutu kebangsaan Melayu dengan menolak seteru-seteru yang merosakkan perbudian agama, undang-undang dan kebangsaan Melayu Kelantan khasnya Melayu SeMalaya ini".²¹ Keanggotaannya terdiri daripada mereka yang mendapat pendidikan Melayu di bandar Kota Bharu dan lain-lain bandar di jajahan dalam Negeri Kelantan.²² PPMK dipimpin oleh Tengku Mahmud bin Abdul Majid sebagai Setiausaha. Diantara tokoh-tokoh PPMK yang lain ialah seperti Haji Wan Muhamad bin Haji Wan Ahmad (Dato Bentara Dalam), Haji Ishak Lofti (sekarang Dato), Allahyarham Encik Muhamad Daud, Encik Muhamad bin Busu, Muhamad Asri bin Haji Muda (Sekarang Dato) dan Encik Khadir Khatib.²³

PPMK merupakan sebuah pertubuhan yang agak kekiran jika dibandingkan dengan PMK. Ada pendapat yang mengatakan bahawa PPMK itu beraliran sosialis.²⁴ Pandangan PPMK yang agak kekiran itu adalah justru kerana pemimpin-pemimpinnya telah melemparkan kritik-kritik yang pedas kepada pemerintah. PPMK telah cuba mendedahkan tentang kelalian pemerintahan British di dalam memberi pendidikan kepada rakyat Kelantan.²⁵ Keanggotaannya hingga bulan Disember, 1940 adalah kira-kira 850 ahli.²⁶

Pada peringkat awalnya hingga kepemerintahan Jepun (1945), PPMK masih belum lagi merupakan sebuah pertubuhan yang berbau politik. Kegiatannya hanya tertumpu kepada soal-soal kebajikan dan sosial sepertimana yang dilakukan oleh lain-lain kelab sebelum perang. Dalam period tersebut, PPMK kerap kali mengadakan sandiwara (concert) atau pertunjukan bangsawan untuk memungut derma bagi persatuannya. PPMK juga giat dalam menubuhkan berpuluhan-puluhan sekolah rakyat di seluruh Negeri Kelantan. Satu perhimpunan besar murid-murid sekolah rakyat anjuran PPMK pernah diadakan di Kota Bharu. Murid-murid dalam perarakan tersebut dikenali dengan panggilan "Tentera Semut".²⁷ Mereka menuntut supaya sekolah-sekolah rakyat yang ada di negeri itu dijadikan sekolah-sekolah kerajaan. Tuntutan PPMK ini berjaya walaupun memakan masa yang lama, di mana sekolah-sekolah rakyat tersebut satu demi satu diambil alih

¹⁸ Seterusnya penulis akan menggunakan nama PPMK sahaja.

¹⁹ *Warta Malaya*, 4hb. September, 1940.

²⁰ Ab. Hamid bin Othman, *op.cit.*, h. 67.

²¹ Lihat rencana Pengarang *Warta Malaya*, 10hb. Sept. 1940, h. 7.

²² Clive S. Kessler, *op. cit.*, h. 282.

²³ Temutanya dengan Encik Hamzah Ghani pada 22hb. April, 1976.

²⁴ Untuk keterangan lanjut lihat *Majlis*, 12hb. Januari, 1946.

²⁵ Clive S. Kessler, *op.cit.*, h. 282.

²⁶ Lihat *Al-Hikmah*, 19hb. Disember, 1940, h. 18.

²⁷ Temutanya dengan Encik Hamzah Ghani pada 22hb. April, 1946.

dan dijadikan sekolah-sekolah kerajaan sehingga ke tahun 1963 bila semua sekolah rakyat di ambilaleh oleh kerajaan.²⁸

Wakil-wakil PPMK juga pernah dilantik menduduki Majlis Mesyuarat Negeri, Majlis Agama Islam dan Adat-Istiadat Melayu Kelantan serta lain-lain badan kerajaan dan separuh kerajaan.

Disepanjang pemerintahan Jepun, PPMK, PMK dan lain-lain kelab tidak menjalankan apa-apa kegiatan hingga ke tahun 1945 bila Jepun menyerah kalah ditangan Pehak Berikat.

Apabila konsep Malayan Union diperkenalkan di Semenanjung Tanah Melayu tahun 1946,²⁹ PPMK baru bergerak dalam arah politik bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan lain di Negeri Kelantan mengambil bahagian yang besar dalam mengembeling tenaga orang-orang Melayu menentang konsep Malayan Union itu dilaksanakan disini.

Jika dibandingkan dengan gerakan yang dimainkan oleh PMK, ternyata PPMK lebih berpengaruh dan dapat diterima oleh masyarakat Melayu Kelantan. Ini adalah lantaran PPMK membuka keahliannya kepada semua gulungan tidak kira mereka itu dari kelas atasan maupun dari kelas bawahan. Tambahan pula perjuangan PPMK tidaklah ditumpukan kepada satu kaum dan kepentingan-kepentingan satu-satu kumpulan sahaja sebagaimana yang diperjuangkan oleh kerajaan semata-mata.

Semasa pemerintahan Jepun, kegiatan organisasi-organisasi berhaluan kanan disekat. Kegiatan-kegiatan politik di Negeri Kelantan pada masa itu ditumpukan kepada kegiatan Kesatuan Melayu Muda (KMM) Cabang Kelantan yang telah ditubuhkan pada tahun 1940.³⁰ Tertubuhnya KMM Cabang Kelantan itu telah menandakan bermulanya gerakan kekiran parti politik di Negeri Kelantan. Di antara pemimpin-pemimpin KMM di negeri itu termasuklah Kadir Adabi sebagai Yang Dipertuanya, Saad Shukri sebagai Naib yang Dipertua serta Wan Ibrahim bin Mustafa. Rata-rata keanggotaannya datang dari belas bawahan. Pada bulan Disember, 1941 KMM Cabang Kelantan telah menerbitkan sebuah majalah iaitu Matahari.³¹ Melalui majalah tersebut, ahli-ahli KMM telah menerbitkan rencana-rencana menentang kerajaan British. KMM menuduh gulungan pembesar-pembesar di Negeri Kelantan dari gulungan feudal-elite-birokrat sebagai alat kepada British.³² Selepas Jepun masuk pada tahun 1942, penerbitan *Matahari* diberhentikan.

Apabila KMM pusat diharamkan oleh Jepun, maka dengan sendirinya KMM cabang Kelantan turut lumpuh. Namun begitu, Jepun tidak menangkap para pemimpin-pemimpinnya, malah menggalakan mereka memasuki persatuan-per-

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Untuk keterangan lanjut tentang Malayan Union, sila libat dalam Mohd. Ali bin Mohammad, "Sejarah Perkembangan Dan Perjuangan UMNO Kelantan 1955-1959, Latihan Ilmiah, Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976/77, Bab. I.

³⁰ Ab. Hamid Othman, *op.cit.*, h. 71.

³¹ Majalah *Matahari* diterbitkan seminggu sekali. Majalah ini mula diterbitkan pada 29hb. Disember, 1941 bersamaan 10hb. Zulhijjah 1360. Pengarang-pengarangnya yang pertama ialah seperti Abdullah A. Saidi Sanusi adan Ilias. Untuk keterangan lanjut sila libat Abdul Rahman Al-Ahmadi, "Notes Towards a History of Malay Periodicals in Kelantan", dalam W.R. Roff (ed.) *op.cit.*, h. 181.

³² Ab. Hamid Othman, *op.cit.*, h. 72.

satuan yang dianjurkan oleh Jepun. Salah seorang daripada pemimpin KMM Cabang Kelantan telah menubuhkan Barisan Boroh Sukarela (BBS)³³ yang majoriti anggotanya terdiri dari penuntut-penuntut Madrasah Muhammadiyah. Sama seperti PETA, BBS juga secara sulit berhubung dengan MPAJA bagi menentang Jepun. Kemerdekaan Malaya-Indonesia seperti yang dianjurkan oleh pihak Jepun telah mendapat sambutan dan sokongan dari BBS. Malangnya cita-cita kemerdekaan bersama itu gagal lantaran Jepun telah menyerah kalah kepada Pihak Berikat pada bulan September, 1945. Dengan itu juga BBS telah lumpuh dan diharamkan bergerak oleh pihak British.

Selepas Perang Dunia Kedua, jajahan Pasir Puteh telah menjadi pusat kegiatan menentang pemerintahan British. Kegiatan ini dilakukan di sekitar Sekolah Agama Balaqul-Hubin yang didirikan semasa pemerintahan Jepun.³⁴ Apabila Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan pada 17hb. Oktober 1945, orang-orang progresif di Kelantan terutamanya di Pasir Puteh telah menubuhkan Cabang PKMM di Negeri Kelantan. Mereka juga menubuhkan Bahagian Pemudanya iaitu API dan Bahagian Wanitanya yaitu AWAS. PKMM adalah lanjutan daripada KMM dan meneruskan perjuangan KMM iaitu kemerdekaan Malaya seratus peratus. PKMM Cabang Kelantan diketuai oleh Hamid Mahmud dan Ketua APInya ialah Othman bin Yahya.³⁵ Lain-lain tokoh PKMM Cabang Kelantan ialah seperti Encik Hasan Agus, Saadiah Saadi, Sufiah Saadi, Haji Abdullah Noh, Hasan Haji Yaakob dan Haji Wan Mahmud Daud.

Di sekitar tahun-tahun 1946-1949 gerakan PKMM, API, dan AWAS boleh dikatakan hebat di Negeri Kelantan. Tetapi oleh kerana idea 'progresif'nya itu merupakan satu perkara baru bagi rakyat Kelantan, maka gerakannya tidak dapat menandingi PPMK (yang telah dihidupkan semula) yang ahli-ahlinya telah bertindak mengikut jalan tengah iaitu disamping menyertai dalam kerajaan, mereka juga menentang penjajah.³⁶ Justru kerana gerakan PKMM Cabang Kelantan menentang penjajah, maka ianya selalu diawasi oleh pemerintah Inggeris. Pemimpin-pemimpinnya seperti Haji Abdullah Noh, Othman bin Yahya dan Hamid Mahmud telah ditahan. Dengan penangkapan pemimpin-pemimpin PKMM itu maka PKMM Cabang Kelantan pun turut lumpuh.

Dalam tahun 1948, di Negeri Kelantan telah lahir satu gulungan pemuda iaitu Gabungan Persekutuan Pemuda Melayu Kelantan.³⁷ Gulungan ini merupakan satu gabungan empat buah pertubuhan pemuda di Kelantan pada masa itu iaitu Persekutuan Suara Muda (SM), Persekutuan Pemuda Melayu (PPM), Pertubuhan Rumaja Pemimpin (PERUPA) dan Pemuda Asuhan Bekerjasama (PAB).³⁸ Inisiatif melahirkan gabungan tersebut adalah justru kerana pada masa-masa yang lepas pertubuhan-pertubuhan pemuda tersebut telah menjadi alat kepada mana-mana badan yang menguasai politik di Kelantan pada masa itu. Memandangkan kepada keadaan ini, PERUPA telah menyarankan supaya satu gabungan pemuda diujudkan untuk menyatukan semua pertubuhan-pertubuhan pemuda di Negeri

³³ Selanjutnya penulis akan menggunakan nama BBS sahaja.

³⁴ Alias Muhamad, "Kenapa Tak Ada Kajian Sejarah UMNO Kelantan", dalam *Berita Minggu*, 16hb. Mei, 1976, h. 6.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Temutanya dengan Encik Hamzah Ghani pada 22hb. April, 1976.

³⁷ Selanjutnya penulis akan menggunakan nama gabungan sahaja.

³⁸ Temutanya dengan Nik Mohamad Amin bin Ali pada 21hb. April, 1976.

Kelantan dari segi gerakan politik disamping memberi otonomi kepada tiap-tiap pertubuhan itu dalam gerakan sosial masing-masing.³⁹

Sebelum gabungan ditubuhkan, tiap-tiap pertubuhan pemuda itu bergerak secara bersendirian. Setengah-setengah daripada pemimpin-pemimpin pemuda yang progresif mendapat bahawa keadaan seperti itu tidak mendatangkan kesan yang baik kepada gerakan pemuda. Lebih-lebih lagi pada ketika itu pemuda-pemuda yang progresif seperti pemimpin-pemimpin API, AWAS dan PKM telah ditahan oleh pemerintah British. Keadaan ini telah meninggalkan kepimpinan yang progresif itu menjadi kosong. Justru kerana itu, Gabungan tersebut ditubuhkan bagi mengisi kekosongan itu. Bagi pemimpin-pemimpin Gabungan, kebanyakannya pemimpin-pemimpin Melayu di Negeri Kelantan termasuklah pemimpin-pemimpin dari PPMK sendiri yang sudah mirip kekanan telah menjadi anggota-anggota kerajaan seperti menjadi ahli badan-badan kerajaan.

Gabungan sentiasa menyertai dan membincangkan issue-issue politik yang hangat dan panas pada masa itu seperti 'Masaalah Patani Raya', Masaalah Kerakyatan' dan apa jua persoalan politik pada ketika itu baik pada peringkat pusat maupun diperingkat negeri.⁴⁰ Beberapa rapat umum juga telah diadakan oleh Gabungan. Antara yang terbesar ialah rapat umum menentang undang-undang kerakyatan ciptaan Dato Onn yang meminda Undang-undang Kerakyatan Perjanjian Persekutuan untuk menjadikannya tidak terbatas.⁴¹ Rapat itu diadakan di rumah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan telah dihadiri oleh ribuan rakyat.

Dalam pilihanraya yang julung-julung kali diadakan di Negeri Kelantan iaitu Pilihanraya Majlis Bandaran Kota Bharu pada tahun 1953, Gabungan telah membuat satu 'perikatan' dengan *Dewan Perniagaan Melayu Kelantan* untuk mengemukakan calun-calun dalam pilihanraya tersebut. Calun-calun Gabungan telah memenangi enam dari sembilan kerusi yang dipertandingkan. Tiga kerusi lagi dimenangi oleh calun bebas.

Dengan kegiatan-kegiatan itu, akhirnya pemerintah British telah melantik ahli-ahli Gabungan menduduki badan-badan kerajaan. Antaranya ialah Nik Hasan bin Haji Nik Yahya dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negeri, Nik Mohamad bin Ali menjadi Anggota Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Ustaz Yusuf Zaki Yaakob sebagai Ahli Penggubal Undang-undang Tubuh Negeri Kelantan.⁴²

Penubuhan UMNO Negeri Kelantan

Selaras Perang Dunia Kedua, kesatuan-kesatuan yang berhaluan kanan di Negeri Kelantan seperti PMK dan PPMK telah bergiat semula. Kewujudan semula badan-badan tersebut adalah lantaran kesedaran para pemimpin-pemimpin mereka akan peri-pentingnya kesatuan dikalangan orang-orang Melayu Negeri Kelantan yang telah berpecah-belah akibat Perang Jepun. Disamping itu juga

³⁹ Temutanya dengan Encik Hamzah Ghani, *op.cit.*

⁴⁰ Temutanya dengan Encik Hamzah Ghani pada 27hb. April, 1976.

⁴¹ Zainal Abidin bin Wahid, "Munculnya Parti-Parti Politik-I", dalam Zainal Abidin bin Abd. Wahid, *op.cit.*, h. 160.

⁴² Temutanya dengan Nik Mohamad Amin bin Ali pada 21hb. April, 1976.

kewujudan semula badan-badan yang berhaluan kanan itu adalah kerana ingin memadu tenaga dalam memprotes konsep Malayan Union seperti yang telah dirancangkan oleh kerajaan British di London.

Seperti juga dengan orang-orang Melayu di lain-lain tempat di Semenanjung Tanah Melayu, kedatangan Malayan Union itu telah menyebabkan orang-orang Melayu di Negeri Kelantan bangun membantah dan menentang sekeras-kerasnya dari dilaksanakan di Tanah Melayu. Akhbar-akhbar dan persatuan-persatuan Melayu di Negeri Kelantan pada masa itu telah memainkan peranan yang penting dalam menyeru orang-orang Melayu supaya bersatu tenaga dalam menentang pelaksanaan Malayan Union, kerana pada mereka konsep Malayan Union itu merupakan suatu perbuatan penjajah yang ingin menghapuskan bangsa Melayu.⁴³ Tunjuk-tunjuk perasaan dan juga taligram-taligram bantahan telah dihantar ke London untuk menunjukkan pendirian orang-orang Melayu Kelantan terhadap Malayan Union tersebut. Umpamanya pada 5hb. Februari 1946, Nik Ahmad Kamil bagi pihak sekalian kakitangan kerajaan Kelantan telah mengirimkan satu taligram kepada kerajaan British di London kerana membantah Malayan Union itu.⁴⁴

Satu peristiwa yang bersejarah di Negeri Kelantan dalam kehangatan menentang Malayan Union itu ialah satu perarakan raksasa oleh rakyat Negeri Kelantan telah diadakan di Kota Bharu pada 5hb. Februari, 1946.⁴⁵ Seramai lebih dari tiga puluh enam-ribu orang rakyat Kelantan telah keluar menyertai perarakan tersebut. Perarakan ini dianjurkan bersama oleh PPMK, PMK dan Suara Muda. Orang-orang Melayu Kelantan dari segenap lapisan telah mengambil bahagian termasuk kaum ibu dan kanak-kanak. Kemudahan-kemudahan pengangkutan telah diadakan seperti mengadakan perkhidmatan motor-bot tanpa tambang dari Pasir Mas dan ke Kota Bharu.

Slogan-slogan bantahan berbunyi "Kerajaan British Pecah Harapan", "Bolehkah lagi kita Percaya Kepada British", "Berilah Melayu Hidup Di-Dunia", "Berilah Hak Kami", "Kita Mahu Keadilan", dan "Kita Tidak Takut Mati Kerana Benar" terdapat dalam sepanduk-sepanduk di dalam perarakan tersebut.⁴⁶

Sebelum perarakan dimulakan, ucapan-ucapan yang bersemangat telah di-berikan oleh pemimpin-pemimpin dari persatuan-persatuan yang mengambil bahagian di Padang Merdeka. Ucapan sulung diberikan oleh Yang Dipertua PPMK iaitu Haji Mohamad bin Haji Ahmad dan diikuti dengan ucapan Setiausaha PPMK iaitu Mohamad Daud bin Haji Salleh. Kemudian disusuli dengan ucapan oleh Encik Khadir Khatib (Setiausaha PPMK Kuala Krai) bertajuk "Hidup ialah Perjuangan". Katanya:

*"Kalau ada butir bom digugurkan oleh Amerika di Negeri Jepun yang menghancurkan dua buah bandaraya yang besar itu yang mana dengan kehancuran itulah menyebabkan hancurnya semangat Jepun, maka sekarang telah digugurkan oleh British bomnya di Malaya iaitu Malayan Union yang diberi persamaan hak kepada bangsa pendatang itu."*⁴⁷

⁴³ Majlis, 6hb. Februari, 1946.

⁴⁴ Libat Majlis, 9hb. Februari, 1946.

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Ibid.

Justru kerana itu beliau menambah bahawa perjuangan yang sedang mereka hadapi itu adalah perjuangan untuk menahan hak yang akan dicabuli oleh bangsa asing.⁴⁸ Turut sama memberi ucapan di Perarakan itu ialah Mohamad Asri bin Haji Muda (Penolong Setiausaha PPMK), Tengku Mahmud Mohyidin dan Nik Mahmud bin Abdul Majid (Ahli Jawatankuasa PPMK).

Dalam perarakan itu juga satu surat bantahan telah disampaikan kepada Tuan Pegawai Pentadbiran British Malaya yang pada ketika itu berada di Negeri Kelantan. Surat yang disampaikan oleh Pengelola Perarakan iaitu Encik Ishak bin Abdul Majid antara lain berbunyi:

"Kami sekalian telah bersatu azam pada mengangkatkan bangkangan kami di atas cadangan yang menyentuh kehormatan kami, maruah kami, kewibawaan agama kami, menghilangkan hak bangsa dan tanahair kami".⁴⁹

Kemuncak daripada protes-protes dan tunjuk-tunjuk perasaan yang dijalankan di seluruh Tanah Melayu, maka satu Kongres Kebangsaan Melayu yang pertama telah diadakan di Kuala Lumpur pada 1hb. Mac, 1946. Dalam Kongres tersebut, Negeri Kelantan telah menghantar dua perwakilan iaitu perwakilan yang dipimpin oleh PMK dan perwakilan yang dipimpin oleh PPMK. PMK diketuai oleh Nik Ahmad Kamil, Haji Ahmad Munshi Ismail dan Ismail Ibrahim, manakala PPMK dipimpin oleh Haji Fadhullah bin Suhaimi, Mohamad bin Yusof dan Ishak Lotfi Osman.⁵⁰ Salah satu resolusi yang diambil ialah bersetuju membentuk organisasi pusat yang diberi nama UMNO. Maka pada Kongres Kebangsaan Melayu Ketiga di Johor Bahru pada 11hb. Mei, 1946, UMNO Malaya dengan rasminya ditubuhkan. PMK yang merupakan salah satu daripada persatuan-persatuan yang menghadiri Kongres itu telah dengan resminya menjadi ahli gabungan UMNO Malaya. Dengan itu juga PMK telah dibubarkan. Maka UMNO Negeri Kelantan sebagai satu cabang UMNO Malaya pun ujudlah.

Sesungguhnya PMK adalah merupakan teras kepada UMNO Negeri Kelantan. Secara tidak langsung ahli-ahli PMK merupakan sebagai ahli UMNO pada peringkat awalnya. Justru kerana itu pula pemimpin-pemimpin PMK merupakan pemimpin UMNO Negeri Kelantan. Oleh kerana PMK sebahagian besarnya diwakili oleh pegawai-pegawai kerajaan dan gulungan atasan, maka UMNO Negeri Kelantan juga di peringkat awalnya dipimpin oleh pegawai-pegawai kerajaan dan gulungan atasan seperti Nik Ahmad Kamil. Mengikut Encik Hamzah Ghani, pemimpin-pemimpin UMNO Negeri Kelantan yang berasal dari gulungan bawahan adalah seperti Encik Yaakob Awang (sekarang Dato Bentara Dalam), Encik Abdullah Ismail dan Encik Ismail Ibrahim.⁵¹

Dalam hal ini, kenyataan Alias Muhamad⁵² yang mengatakan bahawa UMNO Negeri Kelantan bermula di Pasir Puteh yang ditubuhkan dalam tahun 1946 atau 1951 sukar untuk diterima. Apa yang nyata ialah UMNO Negeri Kelantan

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ Anwar Abdullah, *Data Onn*, Nusantara, Kuala Lumpur, 1971. h. 127.

⁵¹ Temutanya dengan Encik Hamzah Ghani pada 27hb. April, 1976.

⁵² Untuk keterangan lanjut lihat Alias Muhamad, "Kenapa Tak Ada Kajian Sejarah UMNO Kelantan", *Berita Minggu*, 16hb. Mei. h. 6.

telah ujud lebih awal dari tarikh tersebut dan ianya bukanlah berasal dari Pasir Puteh. Bagi penulis tahun 1946 adalah lebih lojik diterima sebagai tahun UMNO Negeri Kelantan bermula.⁵³ Kenyataan ini dapat dipertahankan dengan berpandukan kepada beberapa faktor. Pertamanya, PMK telah dibubarkan serentak dengan tertubuhnya UMNO Malaya dan telah dijadikan ahli gabungan UMNO Malaya bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan Melayu lain yang hadir di Kongres Kebangsaan Melayu Ketiga itu. Ini menunjukkan bahawa ahli-ahli PMK telah secara langsung menjadi ahli UMNO Negeri Kelantan. Tambahan pula pada 11, 12 dan 13hb. Mei, 1947, Persidangan Agung UMNO Malaya mengambil sempena genapnya setahun tertubuhnya UMNO telah diadakan di Negeri Kelantan.⁵⁴ Pemilihan Kelantan sebagai tempat persidangan itu menandakan bahawa di Negeri Kelantan sudah ujud satu pertubuhan yang dinamakan UMNO walaupun organisasinya masih belum teratur.⁵⁵

Lantaran organisasinya masih belum teratur, maka UMNO Negeri Kelantan tidak dapat menjalankan apa-apa aktiviti seperti meluaskan cawangan-cawangan UMNO keseluruh Negeri Kelantan. Dikatakan juga bahawa menjelang tahun 1948 UMNO Negeri Kelantan semakin kaku dan seterusnya malap dari arira politik Kelantan. Maka tingallah UMNO Negeri Kelantan pada nama sahaja pada masa itu.⁵⁶

Melihat kepada keadaan kelambatan perjuangan UMNO Negeri Kelantan tersebut, maka pemimpin-pemimpin UMNO Malaya seperti Sardon Haji Zubir (sekarang Tun Sardon Haji Zubir) dan Syed Jaafar Albar (sekarang Tan Sri) sering melawat Kelantan di sekitar tahun-tahun 1951-1952 dengan tujuan ingin menghidupkan kembali UMNO Negeri Kelantan. Mereka mengambil kesempatan menemui pemimpin-pemimpin terkemuka di Negeri Kelantan seperti Haji Nik Hasan Daud, Nik Mat Dato Amar, Nik Hassan bin Nik Yahaya (sekarang Dato Senator Nik Hasan Yahya) dan lain-lain bekas pemimpin-pemimpin PPMK, PKMM, Gabungan dengan menanamkan semangat baru supaya memasuki UMNO.⁵⁷

Akhirnya UMNO Negeri Kelantan yang telah malap itu telah diambil alih oleh gulungan muda dari gulungan bawahan yang dipelupuri oleh Abdul Majid Tahir, Encik Rauf, Encik Rahim Akib, Encik Jaflus bin Haji Yusuf, Encik Hamzah Ghani, serta dibantu oleh Nik Hasan Yahya, Nik Mohamad Amin Ali dan Mohamad Zain Daud (pemimpin-pemimpin Gabungan).⁵⁸ Maka secara resminya UMNO Kota Bharu (yang mewakili UMNO seluruh Kelantan) telah ditubuhkan pada 19hb. Jun, 1953 dengan Encik Ismail Mahmud (Dato Bentara Kiri) sebagai

⁵³ Kenyataan ini diasaskan kepada beberapa temutanya penulis dengan beberapa orang tokoh UMNO di Negeri Kelantan seperti Encik Hamzah Ghani, Encik Mohamad Mahmud, Taun Haji Arifin Salleh, Haji Mohamad bin Haji Ali, Encik Ghafar bin Awang, Dr. Abdul Abdul Aziz Omar dan Encik Jaflus Hj. Yusof. Pada umumnya mereka berpendapat UMNO negeri Kelantan bermula pada tahun 1945.

⁵⁴ UMNO Malaysia, *25 Tahun Dalam Kenangan*, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1971, hal. 55.

⁵⁵ Temutanya dengan Encik Jaflus bin Hj. Yusof pada 22hb. Mei, 1976.

⁵⁶ Temutanya dengan Encik Hamzah Ghani pada 27hb. April, 1976.

⁵⁷ Temutanya dengan Nik Mohamad Amin bin Ali pada 21hb. April, 1976.

⁵⁸ Temutanya dengan Encik Hamzah Ghani pada 27hb. April, 1976. Juga dengan Nik Mohamad Amin, *ibid.*

ketua pertamanya.⁵⁹ Selepas itu jawatan ini di disandang oleh Yang Berhorma-Mulia Tengku Indera Putra (kekanda kepada DYMM Sultan Yahya Putra), mat nakala Encik Osman Udin sebagai Setiausaha.⁶⁰

Kesimpulannya, UMNO di Negeri Kelantan telah ujud serentak dengan pembuahan UMNO Malaya, mula-mulanya sebagai satu cabang daripada UMNO Malaya. Justru kerana susunannya tidak teratur maka UMNO Kelantan telah tidak dapat menjalankan apa-apa aktiviti sehingga ketahun-tahun awal 1950an di mana UMNO Negeri Kelantan telah mula disusun semula dan menjelang tahun 1953, UMNO Negeri Kelantan telah mula teguh dan mula meluaskan cabangnya keseluruh Negeri Kelantan. Sehingga tahun 1967, di Negeri Kelantan terdapat kira-kira sepuluh buah bahagian UMNO dan empat ratus lima puluh empat buah cawangan.⁶¹ Sepuluh buah Bahagian UMNO di Negeri Kelantan itu adalah seperti Tumpat, Ulu Kelantan, Pasir Puteh, Kota Bharu, Kelantan Hilir, Pasir Mas Hulu, Pasir Mas Hilir, Bacok, Tanah Merah dan Macang.

⁵⁹ Temutanya dengan Encik Jaffus Hj. Yusof pada 22hb. Mei, 1976.

⁶⁰ Temutanya dengan Encik Hamzah Ghani, *op.cit.*

⁶¹ Pejabat Pendaftaran Malaysia, *UMNO Buku Tiga, Register of Applications for Branches*, h. 1.